



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 2/2015**

**Kuasa dan peranan Pegawai Pengawal Rizab ke atas permohonan-
permohonan yang melibatkan tanah rizab berwarta.**

1. Tujuan

- 1.1. Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua Pegawai Pengawal Rizab dan warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan berkaitan kuasa dan peranan Pegawai Pengawal Rizab ke atas permohonan-permohonan yang melibatkan tanah rizab berwarta di bawah kawalan mereka.

2. Latar Belakang

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 4 November 2015 melalui Hal-hal lain telah memutuskan bahawa semua Pegawai Pengawal Rizab hendaklah merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum memberikan sebarang kelulusan ke atas permohonan untuk menggunakan tanah rizab berwarta di bawah kawalan mereka.
- 2.2. Pihak Berkuasa Negeri diperuntukkan kuasa di bawah seksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 untuk merizabkan mana-mana tanah Kerajaan untuk apa-apa maksud awam dan perizaban tersebut perlu diwartakan.
 - 2.2.1. Pemberitahuan dalam warta hendaklah:
 - 2.2.1.1. memperihalkan tanah rizab itu;

- 2.2.2. memperihalkan maksud untuk apa tanah itu dirizabkan;
 - 2.2.3. **menentukan pegawai awam buat masa itu mempunyai kawalan ke atas tanah rizab itu;** dan
 - 2.2.4. merupakan keterangan muktamad bahawa tanah yang diwartakan itu adalah rizab bagi maksud awam.
- 2.3. Pihak Berkuasa Negeri juga, boleh melupuskan tanah-tanah rizab berwarta melalui kaedah berikut:
- 2.3.1. Pajakan tanah rizab;
 - 2.3.2. Lesen pendudukan sementara;
 - 2.3.3. Pencabutan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan; dan
 - 2.3.4. Permit bagi penggunaan ruang udara.

3. Justifikasi

- 3.1. Kuasa Pegawai Pengawal Rizab telah dinyatakan dengan jelas mengikut kaedah-kaedah pelupusan seperti berikut:
- 3.1.1. Pajakan tanah rizab
 - (a) memohon untuk memajak tanah rizab; dan
 - (b) memberikan persetujuan ke atas permohonan daripada mana-mana orang atau badan untuk memajak tanah rizab.
 - 3.1.2. Lesen pendudukan sementara
 - (a) memberikan persetujuan kepada Pentadbir Tanah untuk mengeluarkan dan memperbaharui lesen pendudukan sementara; dan

- (b) mengeluarkan dan memperbaharui lesen pendudukan sementara sekiranya diberikan kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3.1.3. Pencabutan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan

- (a) memberikan persetujuan kepada Pentadbir Tanah untuk mengeluarkan permit; dan
- (b) mengeluarkan permit sekiranya diberikan kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3.1.4. Permit bagi penggunaan ruang udara

- (a) memberikan persetujuan ke atas permohonan daripada mana-mana orang atau badan untuk mendapatkan permit ruang udara.

3.2. Berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di **para 3.1** adalah jelas bahawa kuasa Pegawai Pengawal Rizab adalah **TERHAD** kepada memberikan persetujuan dan ulasan sahaja. **Pegawai Pengawal Rizab tidak diperuntukkan kuasa untuk meluluskan apa-apa bentuk penyewaan, penggunaan atau lesen ke atas tanah rizab berwarta di bawah kawalannya.**

4. Pelaksanaan

4.1 Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 4 November 2015 (Hal-hal lain) tersebut maka proses permohonan untuk:

- 4.1.1. Pajakan tanah rizab;
- 4.1.2. Lesen pendudukan sementara;
- 4.1.3. Pencabutan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan; dan
- 4.1.4. Permit bagi penggunaan ruang udara

yang melibatkan tanah rizab berwarta hendaklah bermula di **Pejabat Tanah** daerah berkaitan.

- 4.2. Sekiranya Pegawai Pengawal Rizab menerima permohonan daripada orang atau badan tertentu untuk menyewa atau menggunakan tanah rizab berwarta di bawah kawalannya, Pegawai Pengawal Rizab hendaklah menasihatkan pemohon untuk mengemukakan permohonan rasmi ke Pejabat Tanah yang berkenaan.
- 4.3. Pentadbir Tanah apabila menerima permohonan daripada orang atau badan berkenaan selain daripada proses biasa hendaklah mendapatkan ulasan, pandangan dan kebenaran bersetuju atau tidak bersetuju daripada Pegawai Pengawal Rizab samada;
 - 4.3.1. bersetuju dan memberikan kebenaran beserta dengan **perincian** justifikasi serta syarat-syarat yang perlu ditetapkan; atau
 - 4.3.2. tidak bersetuju dan memberikan justifikasi kepada pendirian tersebut.
- 4.4. Pentadbir Tanah hendaklah **memastikan pandangan dan keputusan Pegawai Pengawal Rizab dimasukkan ke dalam deraf kertas pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan.**
- 4.5. Carta aliran berkaitan perkara ini adalah seperti di **Lampiran A.**

5. Tarikh Kuatkuasa

- 5.1. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.


(**ZULKIFLI BIN BAHARAN**)
Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : **23** November 2015
Rujukan : Bil (84) dlm. PTGNS 10/14 klt.3

**CARTA ALIRAN PROSES
PERMOHONAN YANG MELIBATKAN KEBENARAN / ULASAN
PEGAWAI PENGAWAL RIZAB BERWARTA**

